

# Usaha UMNO bukan untuk banggakan kekuatan — Mahathir

ALOR SETAR, Khamis! — Timbalan Perdana Menteri (Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa usaha UMNO untuk memperkokohkan kedudukan bukan untuk membanggakan kekuatan parti tetapi untuk menjamin masa depan anak cucu dan generasi akan datang.

Katanya UMNO ditubuhkan untuk semua lapisan masyarakat dan generasi bagi memastikan perjuangan dapat berterusan.

Perjuangan UMNO mestilah diteruskan supaya agama, bangsa dan negara dapat diletakkan di tempat yang dihormati dan ditakuti oleh orang, katanya ketika berucap di hadapan lebih 5,000 orang di Perhimpunan Perayaan Ulangtahun UMNO yang ke 32 anjuran UMNO Kedah di Stadium Datuk Syed Omar di sini petang ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata perjuangan UMNO akan dapat menjamin agar orang-orang Melayu boleh duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan kaum lain di semua bidang.

Katanya UMNO dapat hidup terus kerana parti itu senantiasa bersatu padu dan mendapat sokongan terbesar dari orang Melayu.

Di samping itu, katanya lagi, sebahagian besar golongan muda menjadi ahli UMNO kerana mereka mempunyai keyakinan dan kepercayaan terhadap perjuangan UMNO yang telah diasaskan oleh penganjur-

penganjur parti.

"Kita sepatutnya bersyukur kerana UMNO telah wujud selama 32 tahun dan mencapai banyak kejayaan untuk orang Melayu khususnya dan negara umumnya," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa kejayaan-kejayaan yang dicapai adalah hasil perpaduan dalam parti dan sokongan rakyat.

Menurutnya lagi, UMNO ditubuhkan bukan semata-mata untuk ditubuhkan tetapi memberi khidmat dan faedah kepada rakyat.

Akan tetapi, ujarnya, setengah golongan rakyat tidak begitu senang dengan usaha-usaha seperti itu dan mereka mencuba memecahbelahkan perpaduan rakyat untuk mencapai tujuan jahat mereka.

"Kita mestilah berhati-hati terhadap orang seperti itu dan menentukan supaya mereka tidak dapat mencapai hasrat mereka, tambahannya.

Datuk Sri Dr. Mahathir lalu mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya jangan dipengaruhi kata-kata bahawa kekayaan tidak mustahak dalam perjuangan mereka untuk masa depan.

Bagaimanapun beliau menegaskan kekayaan adalah penting untuk menjamin kedudukan agama Islam, bangsa Melayu dan kedaulatan negara.